

Kesan Senario Politik Ke Atas Tingkah Laku dan Niat Pengundi PRN Johor 2022

(Political Scenario Effects on Voters' Political Behavior and Intention in Johor State Election 2022)

Suhaimee Saahar @ Saabar^{1*} , Mohd Khairuddin Othman², Ahmad Danial Faris Anuar³

¹Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: suhaimee@uitm.edu.my

²Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: khairuddin.othman@selangor.gov.my

³Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: faris9671@gmail.com

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Suhaimee Saahar @ Saabar
(suhaimee@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Senario politik
Niat mengundi
Tingkah laku pengundi

KEYWORDS:

Political scenario
Voting intention
Voters' behavior

CITATION:

Suhaimee Saahar @ Saabar, Mohd Khairuddin Othman, & Ahmad Danial Faris Anuar. (2022). Kesan Senario Politik Ke Atas Tingkah Laku dan Niat Pengundi PRN Johor 2022. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001479.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1479>

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis reaksi pengundi Johor sebelum Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Johor 2022. Senario politik Johor sekali lagi diuji apabila Barisan Nasional mengambil keputusan untuk membubarkan DUN Johor setelah mendapati bahawa dengan jumlah kerusi yang kecil sukar bagi mereka untuk melaksanakan dasar dan program yang boleh memberi manfaat kepada rakyat Johor. Dalam masa yang sama PRN kali ini menguji undi 18 tahun yang didaftarkan secara automatik. Ini menjadi satu peluang dan cabaran kepada parti yang bertanding. Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana senario politik semasa yang dilihat agak *chaotic* dengan pelbagai isu yang disebarkan dalam media sosial mempengaruhi niat dan tingkah laku pengundi. Beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini tidak melihat elemen *chaos* sebagai salah satu faktor yang mampu mempengaruhi niat dan tingkah laku pengundi. *Chaos* berlaku dalam pelbagai bentuk dan cara sama ada berbentuk ekonomi, politik dan sosial. Dalam kajian ini senario politik semasa digunakan sebagai pemboleh ubah utama *political chaos* dalam melihat sejauh mana elemen ini akan menjadi penentu kepada tingkah laku pengundian. Kajian ini memilih kaedah tinjauan secara bersemuka dan atas talian dengan menggunakan persampelan rawak mudah ke atas pengundi berumur 18 hingga 40 tahun. Sebanyak 400 soal selidik diedarkan dan 384 dikembalikan. Data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS 26 dengan menggunakan analisa deskriptif dan perbezaan min untuk mengukur dan menganalisis keputusan. Hasil kajian mendapati bahawa senario politik mempunyai impak besar ke atas diri pengundi di mana

media sosial menjadi sumber maklumat utama mereka walaupun mereka menyedari bahawa maklumat tersebut adalah sebahagian daripada strategi kempen parti yang bertanding. Dari segi niat mengundi faktor kestabilan politik mempengaruhi pengundi selain daripada faktor calon, manifesto, rakan sebaya, keluarga dan lain-lain.

ABSTRACT

This study aims to analyze the reaction of Johor voters before the 2022 Johor State Legislative Assembly Elections. Johor's political scenario was once again tested when Barisan Nasional decided to dissolve the Johor State Assembly after finding that with a small number of seats it was difficult for them to implement policies and programmes that could benefit the people of Johor. At the same time the PRN this time tested the votes of 18-year-olds who were automatically registered. This becomes an opportunity and a challenge to the contested party. The study aims to look at how the current political scenario that is seen as somewhat entrenched with the various issues spread on social media affects the intentions and behaviour of voters. Some of the studies conducted previously did not see the element of chaos as one of the factors capable of influencing the intentions and behaviour of voters. Chaos occurs in various forms and means whether in the form of economic, political and social. In this study the current political scenario is used as the main variable of political chaos in looking at the extent to which this element will be decisive to voting behavior. The study selected face-to-face and online survey methods by using simple random sampling of voters aged 18 to 40. A total of 400 questionnaires were distributed and 384 were returned. The data is analyzed using IBM SPSS 26 software using descriptive analysis and mean differences to measure and analyze the results. The findings found that political scenarios have a significant impact on voters where social media is their main source of information even though they recognize that the information is part of the contested party's campaign strategy. In terms of voting intentions the political stability factor affects the electorate in addition to the factors of candidates, manifestos, peers, families and others.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini merupakan sebahagian daripada penerokaan baru dalam kajian komunikasi politik dan tingkahlaku pengundi berdasarkan elemen *chaos* yang akan mendasari kepada penerokaan kajian baru.

1. Pengenalan

Chaos atau kucar-kacir boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dan mampu memberi kesan kepada kehidupan kita khususnya senario politik sesebuah negara ([Filipe & Ferreira, 2013](#)). Pelbagai peristiwa atau krisis politik yang bermula dengan sebuah keadaan yang tidak terkawal dan berlaku dalam bentuk *nonlinear* akan memberi satu perubahan besar dalam situasi politik. Sebagai contoh bagaimana peristiwa Arab Spring mengubah landskap politik dunia dengan kejatuhan rejim-rejim yang mengawal sebuah kerajaan.

Situasi politik tanah air berubah selepas kejatuhan Barisan Nasional pada pilihan raya umum ke-14 (2018). Kemenangan Pakatan Harapan melalui siri-siri kempen yang diadakan berjaya menundukkan Barisan Nasional dengan menggunakan pendekatan-pendekatan luar biasa seperti utilisasi media sosial dalam menimbulkan keresahan dan kemarahan pengundi sehingga tercetusnya keadaan *chaotic* yang tidak diduga. Skandal 1MDB dan urus tadbir negara termasuk isu-isu ekonomi seperti kenaikan harga barangan dan pelaksanaan GST digunakan sepenuhnya oleh pihak Pakatan Harapan untuk menewaskan Barisan Nasional ([Ramli et al., 2019](#); [Suhaimee et al., 2017](#))

Keadaan *chaotic* ini jelas menimbulkan emosi yang tidak stabil sehinggakan pengundi-pengundi yang selama ini menyokong Barisan Nasional dan UMNO mengambil keputusan untuk mengundi parti baru yang ditubuhkan oleh Tun Dr Mahathir Mohammad iaitu BERSATU (PPBM) dan mewujudkan konsolidasi politik bersama PKR, DAP dan AMANAH ([Mohamed Noor, 2021](#)). Kebanyakan penganalisis menjangkakan bahawa kekalahan BN ini akan mencetuskan satu peralihan kuasa yang tidak stabil dengan mengambil kira tempoh pemerintahan BN selama 64 tahun memerintah negara ini. Kejayaan konsolidasi ini dilihat sebagai pencetusnya keadaan ketegangan politik dalam kalangan parti politik yang bertanding pada PRU 14 sehinggakan dominasi dan hegemoni BN berjaya dipecahkan melalui serangan-serangan politik. BN ketika itu dalam keadaan *defensive* terpaksa menggunakan segala aset yang mereka miliki melalui pegangan media dan agensi bagi menepis semua serangan dan tidak mampu bertahan untuk mengekalkan kepercayaan dan dukungan pengundi mereka untuk memilih Pakatan Harapan pada 2018.

Beberapa siri politik dan pengenalan dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Pakatan Harapan telah menimbulkan beberapa keadaan yang tidak menentu melibatkan pengurusan dan pentadbiran ekonomi dan pengurusan demokrasi di negara ini. Isu-isu seperti Tabung Haji, FELDA dan bantuan rakyat menjadi siri-siri politik yang mencetuskan keadaan *chaotic* yang akhirnya menjadi luar kawalan. Kejatuhan PH pada 2018 melalui Langkah Sheraton juga menyaksikan bahawa kawalan politik negara ini dalam keadaan yang tidak menentu sehingga menyebabkan Tun Dr Mahathir Mohammad digantikan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri ketika itu ([Mohamed Noor, 2021](#)).

Keputusan PRU 14 membuka satu lagi ruang politik baru apabila kerajaan PH ketika itu mengamalkan satu bentuk politik baru dimana pendekatan *descriptive* digunakan bagi melemahkan dominasi Barisan. Selepas itu, beberapa siri pilihan raya kecil bermula di DUN Seri Setia sehingga ke pilihan raya kecil DUN Tanjung Piai melihat sokongan telah kembali semula ke Barisan Nasional ([Mohd Dzaki, 2021](#)). Kerusi-kerusi yang dahulunya tewas kini dimenangi semula oleh Barisan Nasional. Tahap sokongan pengundi juga dilihat sudah banyak berubah apabila hayunan undi sudah kembali kepada BN.

Kepercayaan pengundi terhadap PH juga mulai terhakis apabila mereka gagal dilihat memenuhi janji-janji manifesto yang mereka tawarkan pada 2018. Keadaan *chaotic* ini menimbulkan kemarahan dan ketidakpuasan hati terhadap pencapaian dan kemajuan kerajaan Pakatan Harapan yang telah membatalkan beberapa projek mega di bawah BN. Ketidakpuasan hati ini diterjemahkan dalam bentuk undian dan sokongan. Tempoh yang diberikan serta kerukunan politik dalam PH sendiri teruji apabila wujudnya desakan untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri yang dipegang oleh Tun Dr Mahathir Mohammad kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Keadaan luar kawalan dan desakan dari

dalamannya akhirnya mencetuskan Langkah Sheraton yang menyaksikan beberapa pemimpin politik mengambil keputusan untuk meninggalkan parti asal mereka dan menganggotai parti lain bagi mengekalkan dominasi politik mereka.

1.1. Pilihan Raya DUN Johor 2022

Secara tradisi, Johor merupakan kubu kuat Barisan Nasional namun penguasaan BN dicabar pada PRU 14 (2018). Beberapa kerusi yang sebelum ini dimiliki oleh BN telah dirampas oleh parti lain seperti PPBM, PKR, AMANAH dan DAP. Disebabkan kekalahan ini beberapa peristiwa politik berlaku di Johor seperti pertukaran Menteri Besar. Di dalam PN umpamanya, Bersatu Johor tidak berpuas hati dengan kepimpinan UMNO – berakar dari *trade-off* yang terpaksa mereka lakukan, iaitu melepaskan kerusi Menteri Besar kepada UMNO ([Mohamed Noor, 2021](#)). [Rajah 1](#) menunjukkan perbandingan keputusan PRN Johor 2022 dan 2018.

Rajah 1: Perbandingan Keputusan PRN Johor 2022 dan 2018



Sumber : [Sinar Harian \(2022\)](#)

Pilihan raya DUN Johor 2022 diadakan berikutan keputusan yang diambil oleh Barisan Nasional Johor untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri berikutan isu-isu yang berbangkit terutamanya kedudukan kerusi BN bagi menyelesaikan kemelut politik yang berlaku di negeri ini. Pembubaran ini terpaksa dilakukan kerana BN hanya memiliki kerusi tipis iaitu 28 kerusi berbanding 27 di blok pembangkang. Ini menyebabkan kesulitan berlaku apabila BN sukar untuk meneruskan agenda pembangunan dan memaksa mereka untuk membubarkan bagi mendapatkan mandat yang lebih besar. Keadaan ini telah mencetuskan satu senario politik yang agak kusut kerana kuasa dominasi tiada dalam kerajaan yang diperintah. Dalam masa yang sama ia juga dilihat sebagai salah satu strategi politik setelah BN memenangi sebanyak 22 kerusi DUN Melaka pada November 2021. Lanjutan daripada kemenangan ini, BN meneruskan agenda mereka dengan memilih Johor sebagai negeri kedua di Semenanjung bagi meneruskan dominasi politik mereka.

Pada PRU 14, BN hanya memiliki 16 kerusi DUN dan PPBM memiliki 11 kerusi DUN sahaja. Namun beberapa peristiwa yang berlaku seperti kematian ADUN PPBM dan juga tindakan ADUN PPBM meninggalkan parti menjadikan situasi bertambah rumit. Ketika Perikatan Nasional sedang mulai lemah ekoran kekalahan di Melaka, BN bijak mengambil langkah strategik bagi menentukan kuasa dominan dalam politik Johor.

Perkara yang menarik di PRN Johor menyaksikan pertembungan beberapa penjuror daripada parti-parti politik Melayu yang mencuba nasib politik mereka. Perpecahan politik dilihat timbulnya parti-parti baru seperti MUDA yang berusaha membawa ideologi politik orang muda dan juga parti PEJUANG yang diasaskan oleh Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad yang ditumbangkan melalui Langkah Sheraton yang berlaku pada 2020. Kedinamikan politik ini mencetuskan keadaan tegang dalam politik tanah air sehingga Yang Dipertuan Agong perlu campur tangan dalam memastikan kestabilan politik negara.

Seramai 239 calon bertanding dalam PRN Johor menyaksikan dalam situasi yang kucar-kacir parti politik mengambil kesempatan dalam menawarkan ideologi mereka. Walaupun negara masih lagi dalam fasa pandemik Covid-19, peluang politik seperti ini membuka ruang untuk parti politik untuk mengukuhkan dominasi mereka dalam satu kerangka baru politik. Kerangka politik baru ini mengambil tema kestabilan, keadilan, kesejahteraan, kemakmuran, ketelusan, saksama, keadilan sosial, isu rasuah dan salah guna kuasa malah isu kes mahkamah juga dijadikan tema atau naratif parti untuk membujuk dan mempengaruhi niat pengundi.

Dalam situasi yang *chaotic*, ini dilihat sebagai satu peluang sama ada secara langsung dan tidak langsung untuk parti memposisikan kedudukan mereka. Pertembungan antara penjuror dilihat sebagai salah satu strategi yang digunakan oleh parti dengan tujuan mengalihkan dan mengecilkan sokongan pengundi dan dijadikan satu taktik untuk mempengaruhi pengundi atas pagar. Proses buat keputusan mengundi pula mengambil kira beberapa faktor penting seperti pengetahuan dan sikap pengundi mengenai isu-isu semasa, kepercayaan dan kesetiaan, norma-norma subjektif yang dilihat dan dinilai oleh pengundi terhadap calon dan parti, kematangan dan kesedaran politik pengundi mengenai amalan demokrasi dan penglibatan mereka dalam proses demokrasi sama ada secara sedar atau tidak sedar. Faktor ini membentuk secara keseluruhan dalam aspek penilaian dan buat keputusan mengundi dalam kalangan pengundi.

Tingkah laku pengundi juga perlu difahami dalam konteks sikap, psikologi dan juga pegangan nilai yang mereka dukungi. Ini menjadikan kajian mengenai pengundi terutamanya pengundi di negara ini amat menarik. Senario politik yang tidak menentu dengan pelbagai isu sama ada isu dalaman parti, skandal rasuah, penyelewengan kuasa, penentuan pemimpin di peringkat negeri dan persekutuan dan yang paling kritikal adalah kerjasama politik diantara parti-parti politik Melayu ([Idid, 2017](#); [Suhaimee et al, 2017](#)).

1.2. Permasalahan Kajian

Konsep konsolidasi politik dijadikan formula politik untuk mewujudkan perikatan dan Kerjasama dalam mewujudkan sebuah negara atau corak pentadbiran yang ideal ([Mohamed Noor, 2021](#)). Konsep seperti Muafakat Nasional yang meletakkan penyatuan ummah diantara UMNO dan PAS dilihat memberikan hasil pada peringkat awal dalam meredakan ketegangan politik dan meletakkan penyatuan sebagai solusi politik sama ada jangka masa pendek atau panjang.

Di Johor perkara sebaliknya berlaku apabila kerjasama politik UMNO-PAS tidak dilaksanakan apabila PAS bekerjasama dengan PPBM dibawah Perikatan Nasional. Langkah ini dilihat sebagai satu percaturan politik antara PPBM dan PAS untuk menumbangkan BN (UMNO) di Johor. Keputusan yang diambil ini menyebabkan keadaan politik semakin meruncing. Kaedah serangan ke atas BN dipilih sebagai salah satu strategi utama dua parti ini untuk mempengaruhi minda dan hati pengundi terutamanya mereka yang di atas pagar. Dalam setiap ceramah mega yang dilakukan oleh Perikatan Nasional serangan ke atas Datuk Seri Najib dan Datuk Seri Zahid Hamidi sentiasa dilaungkan bagi menimbulkan kemarahan dan kegelisahan pengundi ke atas kes-kes mahkamah yang sedang dihadapi oleh dua pemimpin ini. Skandal 1MDB digunakan sebagai modal politik bagi merasionalkan keputusan dua parti ini bergabung di Johor bagi menewaskan BN.

Poster-poster dan video-video yang dihasilkan menumpu kepada aspek serangan ke atas peribadi dan juga kes-kes yang dihadapi oleh mereka berdua. Penguasaan naratif media sosial juga dibanjiri dengan kandungan-kandungan mesej negatif dalam bentuk serangan seolah-olah untuk mencetuskan satu keadaan *chaotic* dalam minda pengundi. Dalam masa yang sama Perikatan Nasional juga cuba memasarkan imej Tan Sri Muhyidin Yassin dengan menggunakan gelaran Abah sepertimana pernah digunakan oleh Perikatan Nasional di Melaka.

Walaupun di Melaka, konsep ini telah digunakan dan tidak berjaya mempengaruhi minda pengundi, mereka masih ingin mengekalkan kaedah ini bagi memposisikan imej Tan Sri Muhyidin Yassin yang pernah menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri ketika negara sedang berdepan dengan penularan wabak Covid-19. Ini dijadikan sebagai hujah utama bagi merasionalkan tindakan kaedah ini digunakan oleh parti dan penyokong mereka.

Manakala, Barisan Nasional kali ini memilih tema kestabilan bagi memastikan kestabilan politik di Johor dapat dikembalikan melalui dominasi BN. Pemilihan tema ini dilihat sebagai satu naratif *counter chaos* yang dilihat sebagai satu taktik *diversion* bagi mengalihkan perhatian pengundi setelah BN Johor mengambil keputusan membubarkan DUN Johor. Formula kestabilan dijadikan tema utama kempen BN bagi memikat semula hati pengundi Johor. Pendekatan *counter chaos* dilihat sebagai salah satu pendekatan psikologi yang mempengaruhi minda separa sedar pengundi yang boleh dicetuskan dengan persepsi dan emosi.

Parti politik perlu lebih peka dalam memahami tingkah laku pengundi hari ini. Perubahan dalam landskap politik yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti perubahan ekonomi, teknologi dan yang penting kedinamikan politik yang tidak menentu apabila parti cuba memformulasikan percaturan politik mereka dengan pelbagai kaedah ([Hanias & Magafas, 2011](#)). Salah satu kaedah yang digunakan adalah melalui penarikan sokongan atau migrasi politik kepada parti lain. Walaupun amalan-amalan demokrasi seperti ini bukan baru tetapi ia memberi kesan kepada proses demokrasi dan politik di negara kita.

Pengurusan kempen pilihan raya secara amalnya adalah merupakan satu pengurusan *chaos* yang perlu diuruskan dengan sistematik dan saintifik. Setiap masa perubahan yang berlaku dalam algoritim media sosial dijadikan sebagai asas kepada pembinaan dan *counter* naratif politik yang menjadi asas kepada pembinaan naratif *political chaos*. Pengurus kempen sama ada tradisional mahupun moden perlu menguasai kemahiran dan strategi pengurusan *chaos* dalam kempen pilihan raya ([Spiliotes & Vavreck, 2002](#)).

Salah satu elemen penting yang perlu diambil kira adalah pengurusan komunikasi yang terkawal melalui koordinasi yang ditetapkan di peringkat pusat dan bawahan. Struktur komunikasi dan media yang jelas dan berstruktur akan menentukan hala tuju dan pergerakan jentera komunikasi sama ada berbentuk digital dan bukan digital. Pembinaan mesej sama ada yang berbentuk *non chaotic* atau *chaotic* boleh dibina dan disebar dengan mengambil kira pemilihan saluran, khalayak dan impaknya ke atas emosi dan psikologi.

Oleh itu kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengkaji kesan senario politik di Johor ekoran pembubaran Dewan Undangan Negeri Johor 2022. Walaupun mandat belum berakhir namun keputusan BN untuk membubarkan DUN bagi mendapatkan mandat semula daripada pengundi Johor terpaksa dilakukan bagi mengurus tadbir negeri tersebut. Kajian ini juga meninjau pandangan pengundi automatik 18 – 21 yang menjadi kelompok pengundi baharu dalam PRN kali ini. Dalam masa yang sama, kajian ini juga melihat bagaimana peranan media sosial sebagai sumber maklumat politik boleh mempengaruhi niat pengundi pada kali ini berdasarkan senario politik yang berlaku di Johor.

1.3. Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti kesan senario politik yang mempengaruhi niat pengundi sebelum PRN Johor.
- ii. Untuk mengenal kesan *political chaos* ke atas niat dan sikap pengundi sebelum PRN Johor.
- iii. Untuk mengkaji kesan media sosial dalam menyebarkan isu politik oleh parti politik sebelum PRN Johor.

2. Metod Kajian

Kajian ini akan menggunakan tinjauan sebagai kaedah kuantitatif utama dalam kajian ini. Teknik persampelan yang akan digunakan ialah persampelan rawak. Bilangan sampel untuk kajian ini telah dianggarkan seramai 400 responden yang meliputi beberapa kawasan DUN Johor. Kajian ini dilakukan sebelum hari pengundian yang mengambil masa 14 hari sebelum tempoh pengundian.

Dua kaedah digunakan dalam proses pengutipan data iaitu secara bersemuka dan menerusi atas talian. Sebanyak 400 soal selidik diedarkan sepanjang tempoh kajian. Borang soal selidik diedarkan secara bersemuka bagi mendapatkan maklumat balas daripada responden kajian yang terdiri daripada pengundi Johor. Dalam masa yang sama, borang soal selidik secara atas talian dengan menggunakan Google Form diedarkan secara rawak kepada pengundi di Johor.

3. Hasil Kajian

Dapatan kajian ini diambil dari saiz sampel seramai 384 orang responden yang telah menjawab borang soal selidik secara bersemuka dan di atas talian. Kajian ini telah dijalankan sepanjang tempoh Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor bermula dari hari pembubaran sehingga ke hari mengundi. Dapatan dari kajian ini adalah untuk menunjukkan beberapa faktor utama yang menyumbang kepada *Political Chaos* di sesebuah negeri atau negara dalam konteks politik.

Secara tidak langsung, dapatan dan hasil dari kajian ini boleh diguna pakai untuk rujukan parti dan ahli politik terutamanya dalam menyelesaikan senario *Political Chaos* di tempat pengaruh mereka dengan mengawal dan membentuk strategi dalam membina sesuatu naratif yang boleh mengurangkan impak *Political Chaos*. Hasil kajian ini disusun mengikut soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik.


Kajian ini menggunakan tiga dimensi ukuran dalam melihat kesan senario politik ke atas tingkah laku pengundi sebelum pengundian. Ini adalah penting bagi melihat bagaimana pengundi bertingkah laku terhadap mesej-mesej dan isu-isu politik yang berada di sekeliling mereka yang akan mempengaruhi niat dan tingkah laku pengundian mereka. [Jadual 1](#) menunjukkan ujian kebolehpercayaan item dalam kajian ini. Dimensi tersebut adalah:

Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan Item

Dimensi	Jumlah Item	Nilai Cronbach's Alpha
Senario Politik (<i>Political Chaos</i>)	15 item	0.905
Sumber Maklumat (media sosial)	14 item	0.842
Niat dan tingkahlaku pengundian	13 item	0.8

Secara ringkasnya ia diterangkan melalui [Rajah 2](#) di bawah. [Rajah 2](#) menunjukkan hubungan diantara dimensi kajian. Ia digunakan bagi mengenal pasti sama ada setiap dimensi yang diuji mempunyai perhubungan antara dimensi.

Rajah 2: Hubungan diantara dimensi kajian



Manakala, [Jadual 2](#) menerangkan perbezaan min senario politik dalam kalangan responden. Berdasarkan Analisa min kenyataan *Saya merasakan keadaan kucar-kacir pada hari ini disebabkan ahli politik mengejar kuasa* menunjukkan min yang paling tinggi berbanding item yang lain iaitu nilai 4.18. Nilai min yang kedua tertinggi merujuk kepada kenyataan *Saya melihat situasi politik yang tidak stabil mempengaruhi urus tadbir kerajaan hari ini* iaitu 3.99.

Berdasarkan dua item ini boleh dilihat bahawa responden kajian melihat keadaan politik semasa adalah dalam keadaan yang tidak menentu apabila wujudnya elemen mengejar kuasa yang dikaitkan dengan urus tadbir sesebuah kerajaan negeri. Responden melihat bahawa elemen kuasa merupakan elemen utama yang menyebabkan pembubaran Dewan Undangan Negeri Johor. Dalam masa yang sama responden juga melihat bahawa faktor kestabilan politik adalah merupakan kunci utama kepada kesejahteraan rakyat dan urus tadbir kerajaan yang cekap. Kajian juga mendapati bahawa sekiranya wujud keadaan

yang tidak menentu (*chaotic*) kepercayaan rakyat akan mulai terjejas. Ini ditunjukkan dalam item *Saya melihat kerajaan akan membuat keputusan yang baik untuk diri saya* dengan nilai min hanya 3.04 sahaja. Jelas menunjukkan wujudnya jurang kepercayaan ahli masyarakat kepada kerajaan dan parti pemerintah dan mereka melihat bahawa keadaan yang wujudnya hanya bersifat sementara.

Jadual 2 : Min senario politik

Keterangan	Min	Kekerapan (n=384)	Peratusan (%)
Saya merasa situasi politik pada hari ini agak kucar-kacir dan tidak stabil	3.86	STS: 8 TS: 26 N: 86 S: 156 SS: 108	STS: 2.1 TS: 6.8 N: 22.4 S: 40.6 SS: 28.1
Saya melihat situasi politik pada hari ini disebabkan kelemahan dalam urus tadbir kerajaan	3.70	STS: 20 TS: 36 N: 88 S: 136 SS: 104	STS: 5.2 TS: 9.4 N: 22.9 S: 35.4 SS: 27.1
Saya melihat bahawa situasi politik yang berubah kerana tidak wujudnya satu dominasi politik yang kukuh	3.85	STS: 12 TS: 14 N: 94 S: 162 SS: 102	STS: 3.1 TS: 3.6 N: 24.5 S: 42.5 SS: 26.6
Saya merasakan keadaan kucar-kacir pada hari ini disebabkan ahli politik mengejar kuasa	4.18	STS: 12 TS: 12 N: 64 S: 102 SS: 194	STS: 3.1 TS: 3.1 N: 16.7 S: 26.6 SS: 50.5
Saya merasa punca situasi politik yang berlakukerana parti politik tidak peka dengan keadaan masyarakat	4.08	STS: 12 TS: 14 N: 94 S: 162 SS: 102	STS: 3.1 TS: 3.6 N: 24.5 S: 42.2 SS: 26.6
Keadaan ekonomi hari ini menyebabkan pentadbiran kerajaan negeri tidak dapat dibangunkan secara menyeluruh	3.79	STS: 10 TS: 28 N: 102 S: 136 SS: 108	STS: 2.6 TS: 7.3 N: 26.6 S: 35.4 SS: 28.1
Saya melihat situasi politik yang tidak stabil mempengaruhi urus tadbir kerajaan hari ini	3.99	STS: 12 TS: 12 N: 72 S: 158 SS: 130	STS: 3.1 TS: 3.1 N: 18.8 S: 41.1 SS: 33.9
Saya melihat kerajaan akan membuat keputusan yang baik untuk diri saya	3.04	STS: 36 TS: 96 N: 128 S: 66 SS: 58	STS: 9.4 TS: 25.0 N: 33.3 S: 17.2 SS: 15.1

Saya bersikap terbuka dalam senario/situasi politik hari ini	3.45	STS: 14 TS: 44 N: 146 S: 114 SS: 66	STS: 3.6 TS: 11.5 N: 38.0 S: 29.7 SS: 17.2
Krisis yang berlaku dalam parti politik perlu untuk tujuan pembubaran	3.27	STS: 36 TS: 48 N: 146 S: 86 SS: 68	STS: 9.4 TS: 12.5 N: 38.0 S: 22.4 SS: 17.7
Pengurusan politik yang lemah punca ketidakstabilan politik	3.94	STS: 8 TS: 28 N: 66 S: 160 SS: 122	STS: 2.1 TS: 7.3 N: 17.2 S: 41.7 SS: 31.8
Situasi krisis politik hari ini menguntungkan pemimpin politik berbanding rakyat	4.09	STS: 10 TS: 12 N: 68 S: 136 SS: 158	STS: 2.6 TS: 3.1 N: 17.7 S: 35.4 SS: 41.1
Situasi politik yang Tidak stabil hari ini adalah strategi Parti politik untuk memenangi pilihanraya	3.79	STS: 16 TS: 22 N: 100 S: 136 SS: 110	STS: 4.2 TS: 5.7 N: 26.0 S: 35.4 SS: 28.6
Saya terlibat dalam senario politik pada hari ini	2.84	STS: 78 TS: 68 N: 124 S: 64 SS: 50	STS: 20.3 TS: 17.7 N: 32.3 S: 16.7 SS: 13.0
Saya melihat senario politik pada hari ini adalah sementara	3.04	STS: 38 TS: 82 N: 146 S: 62 SS: 56	STS: 9.9 TS: 21.4 N: 38.0 S: 16.1 SS: 14.6

Nota: STS : Sangat Tidak Setuju; TS : Tidak Setuju; N : Neutral; S : Setuju; SS : Sangat Setuju

[Jadual 3](#) menunjukkan perbezaan min untuk semua item. Hasil kajian mendapati bahawa min yang tertinggi adalah *saya takut untuk berkongsi maklumat yang saya tidak pasti dengan nilai min 3.95* diikuti dengan *Sosial media menjadi sumber maklumat utama politik saya pada hari ini* dengan nilai min 3.85. Dalam masa yang sama responden juga mengakui bahawa bukan semua maklumat politik boleh dipercayai (nilai min 3.82). Responden mendapati bahawa kebanyakan maklumat politik yang mereka peroleh adalah palsu dan dimanipulasikan oleh parti politik untuk mempengaruhi niat dan kepercayaan mereka (nilai min 3.83).

Jadual 3: Min sumber maklumat politik

Keterangan	Min	Kekerapan (n=384)	Peratusan (%)
Sosial media menjadi sumber maklumat utama politik saya pada hari ini	3.85	STS: 8 TS: 34 N: 84 S: 140 SS: 118	STS: 2.1 TS: 8.9 N: 21.9 S: 36.5 SS: 30.7
Saya lebih percaya maklumat politik di sosial media berbanding di media politik	3.28	STS: 16 TS: 62 N: 166 S: 80 SS: 60	STS: 4.2 TS: 16.1 N: 43.2 S: 20.8 SS: 15.6
Saya sedar maklumat politik di sosial media tidak semua boleh dipercayai	3.82	STS: 6 TS: 26 N: 104 S: 142 SS: 106	STS: 1.6 TS: 6.8 N: 27.1 S: 37.0 SS: 27.6
Saya keliru dengan pencanggahan maklumat politik yang tidak sah	3.59	STS: 14 TS: 42 N: 106 S: 146 SS: 76	STS: 3.6 TS: 10.9 N: 27.6 S: 38.0 SS: 19.8
Kandungan maklumat palsu di sosial media mempengaruhi minda saya	3.14	STS: 26 TS: 84 N: 142 S: 74 SS: 58	STS: 6.8 TS: 21.9 N: 37.0 S: 19.3 SS: 15.1
Parti politik cenderung menggunakan maklumat palsu untuk mempengaruhi minda saya	3.52	STS: 20 TS: 32 N: 142 S: 108 SS: 82	STS: 5.2 TS: 8.3 N: 37.0 S: 28.1 SS: 21.4
Saya menghadapi kesukaran mencari maklumat yang sah	3.40	STS: 14 TS: 52 N: 146 S: 110 SS: 62	STS: 3.6 TS: 13.5 N: 38.0 S: 28.6 SS: 16.1
Saya merasakan maklumat palsu tular merupakan strategi kempen parti politik	3.83	STS: 4 TS: 26 N: 110 S: 136 SS: 108	STS: 1.0 TS: 6.8 N: 28.6 S: 35.4 SS: 28.1
Maklumat media sosial boleh mencetuskan keadaan panik dalam diri saya	3.01	STS: 40 TS: 84 N: 134 S: 84 SS: 42	STS: 10.4 TS: 21.9 N: 34.6 S: 21.9 SS: 10.9

Parti politik cenderung memanipulasikan maklumat dalam media sosial	3.94	STS: 2 TS: 16 N: 112 S: 126 SS: 128	STS: 0.5 TS: 4.2 N: 29.2 S: 32.8 SS: 33.3
Saya jarang mengikuti maklumat politik dalam media sosial	2.90	STS: 46 TS: 100 N: 134 S: 56 SS: 48	STS: 12.0 TS: 26.0 N: 34.9 S: 14.6 SS: 12.5
Saya akan berkongsi maklumat yang berbau provokasi	2.27	STS: 144 TS: 92 N: 84 S: 28 SS: 36	STS: 37.5 TS: 24.0 N: 21.9 S: 7.3 SS: 9.4
Saya akan memadamkan maklumat palsu yang saya terima daripada media sosial	3.70	STS: 22 TS: 28 N: 114 S: 98 SS: 121	STS: 5.7 TS: 7.3 N: 29.7 S: 25.5 SS: 31.5
Saya takut untuk berkongsi maklumat yang saya tidak pasti	3.95	STS: 18 TS: 18 N: 88 S: 100 SS: 158	STS: 4.7 TS: 4.7 N: 22.9 S: 26.0 SS: 41.1

Nota: STS : Sangat Tidak Setuju; TS : Tidak Setuju; N : Neutral; S : Setuju; SS : Sangat Setuju

Jadual 4 menunjukkan perbezaan min untuk dimensi niat mengundi. Hasil kajian mendapati bahawa 8 item mempunyai nilai min 4. Nilai min yang paling tinggi merujuk kepada item *Saya pasti akan mengundi parti yang boleh membawa kerajaan dalam senario politik yang stabil* dengan nilai min 4.39, *Saya lebih memilih parti yang boleh menjanjikan kestabilan dan kemakmuran negeri semasa Pilihanraya* dengan nilai min 4.37 dan *Saya lebih memilih calon yang boleh menjanjikan kestabilan dan kemakmuran negeri semasa Pilihanraya* nilai min 4.32.

Jadual 4: Min Niat Politik

Keterangan	Min	Kekerapan (n=384)	Peratusan (%)
Pengundi muda lebih cenderung untuk memilih parti yang stabil	4.19	STS: 16 TS: 8 N: 64 S: 94 SS: 202	STS: 4.2 TS: 2.1 N: 16.7 S: 24.5 SS: 52.6
Saya pastinya akan mengundi parti yang boleh membawa kerajaan dalam senario politik yang stabil	4.39	STS: 4 TS: 16 N: 44 S: 84 SS: 236	STS: 1.0 TS: 4.2 N: 11.5 S: 21.9 SS: 61.5

Saya menilai setiap parti berdasarkan krisis- krisis politik	4.08	STS: 6 TS: 14 N: 78 S:132 SS: 152	STS: 1.6 TS: 3.6 N: 20.3 S: 34.4 SS: 39.6
Saya berasa kepimpinan politik pada hari ini patut diubah	4.29	STS: 4 TS: 4 N: 70 S: 100 SS: 206	STS: 1.05 TS: 1.05 N: 18.2 S: 26.0 SS: 53.6
Saya mengundi parti berdasarkan pada pilihan peribadi saya	4.22	STS: 8 TS: 10 N: 64 S:108 SS: 194	STS: 2.1 TS: 2.6 N: 16.7 S: 28.1 SS: 50.5
Saya dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam membuat keputusan mengundi	2.08	STS: 174 TS: 84 N: 70 S:32 SS: 24	STS: 45.3 TS: 21.9 N: 18.2 S: 8.3 SS: 6.3
Saya akan mengundi parti yang disokong oleh keluarga saya sahaja	2.32	STS: 146 TS: 76 N: 88 S:40 SS: 34	STS: 38.0 TS: 19.8 N: 22.9 S: 10.4 SS: 8.9
Saya akan mengundi parti yang mendapat sokongan daripada pemimpin pendapat di kawasan saya	2.70	STS: 90 TS: 80 N: 112 S: 58 SS: 44	STS: 23.4 TS: 20.8 N: 29.2 S: 15.1 SS: 11.5
Saya lebih mementingkan kredibiliti berbanding personaliti calon	4.17	STS: 12 TS: 12 N: 64 S:108 SS: 188	STS: 3.1 TS: 3.1 N: 16.7 S: 28.1 SS: 49.0
Saya lebih gemar jika calon adalah muka baru yang bertanding untuk Pilihanraya Negeri akan datang	3.82	STS: 10 TS: 12 N: 134 S: 108 SS: 120	STS: 2.6 TS: 3.1 N: 34.9 S: 28.1 SS: 31.3
Saya lebih memilih parti yang boleh menjanjikan kestabilan dan kemakmuran negeri semasa Pilihanraya	4.37	STS: 2 TS: 10 N: 46 S: 112 SS: 214	STS: 0.5 TS: 2.6 N: 12.0 S: 29.2 SS: 55.7
Saya lebih memilih calon yang boleh menjanjikan kestabilan dan kemakmuran negeri semasa Pilihanraya	4.32	STS: 12 TS: 2 N: 42 S:124 SS: 204	STS: 3.1 TS: 0.5 N: 10.9 S: 32.3 SS: 53.1

Saya cenderung untuk meneliti manifesto sebagai rujukan saya untuk mengundi semasa Pilihanraya	3.87	STS: 8	STS: 2.1
		TS: 18	TS: 4.7
		N: 108	N: 28.1
		S:132	S: 34.4
		SS: 118	SS: 30.7

Nota: STS : Sangat Tidak Setuju; TS : Tidak Setuju; N : Neutral; S : Setuju; SS : Sangat Setuju

Dimensi ini juga mengukur sama ada faktor pemilihan boleh dipengaruhi oleh faktor seperti rakan sebaya, keluarga dan pemimpin pendapat. Jelas sekali nilai min adalah pada nilai 2 sahaja menunjukkan bahawa perbezaan ketara item ini berbanding dengan faktor-faktor lain.

4. Kesimpulan

Senario politik hari ini semakin berubah dengan dipengaruhi dengan pelbagai faktor terutamanya keadaan *chaotic* yang mempengaruhi minda dan tingkah laku pengundi. Keputusan pilihan raya yang lepas menunjukkan bahawa tiada kepastian dalam menentukan kemenangan kerana ketidakstabilan yang wujud boleh memberikan impak besar kepada psikologi pengundi. Ketidakstabilan ini mencetuskan minda yang *chaotic* apabila minda digasak dengan isu-isu politik yang tidak berkesudahan. Dalam masa yang sama kaedah perulangan isu dimainkan sebagai sebahagian Teknik propaganda yang mampu memberi kesan sama ada positif atau negatif kepada pengundi.

Kedinamikan yang berlaku dalam landskap politik menguji pengurusan *political chaos* dalam sesebuah parti. Pengurusan *chaos* perlu dimasukkan sebagai sebahagian pengurusan komunikasi politik yang mampu membantu membina naratif politik yang bakal dimainkan oleh parti yang bertanding. Sekiranya pembinaan naratif politik itu tidak dapat dibina dalam kerangka senario politik walaupun sebelum ini pernah memenangi pilihan raya di sesebuah kawasan kedinamikan yang wujud dalam kawasan tersebut juga mampu mempengaruhi niat dan tingkah laku pengundi.

Dalam hal ini pengurusan *chaos* akan dibina sebagai salah satu senjata politik yang mampu mencetuskan keadaan *chaotic* melalui pemilihan beberapa saluran yang boleh digunakan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi, digital dan tradisional mahupun secara konvensional ([Green, 2015](#)). Minda yang *chaotic* yang disebabkan oleh mesej politik yang celaru dan huru-hara mampu memberikan kesan emosi dan psikologi ke atas diri pengundi.

Calon juga perlu menguasai pengurusan *chaos* terutama jika berdepan dengan senario politik yang mencabar dari segi integriti, kecekapan, kebolehan, komunikasi, pencapaian dan juga tawaran-tawaran politik yang ditawarkan kepada pengundi. Calon juga perlu mengawal petugas kempen agar mereka juga mampu mengawal situasi sekiranya *chaos* berlaku dalam kawasan mereka. Hubungan sesama parti dan pengundi perlu menjadi perhatian kerana ia akan menjadi satu strategi penting sebahagian daripada pengurusan kempen.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Pengkaji mengucapkan terima kasih kepada responden dan petugas-petugas kempen yang membantu dalam proses pengutipan data.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini menggunakan tajaan dan kewangan sendiri sepanjang proses penyelidikan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Pengkaji tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat sepanjang proses penyelidikan.

Rujukan

- Filipe, J. A., & Ferreira, M. A. M. (2013). Social And Political Events And Chaos Theory- The "Drop Of Honey Effect." In *Emerging Issues in the Natural and Applied Sciences*, 3(1), 126–137. <https://doi.org/10.7813/einas.2013/3-1/10>
- Hanias, M. P., & Magafas, L. (2011). Chaos theory in predicting election results. *Journal of Engineering Science and Technology Review*, 4(3), 286–290. <https://doi.org/10.25103/jestr.043.17>
- Idid, S. A. (2017). Agenda setting: Probing the issues during the 13th general election. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 1-12.
- Green, J. A. (2015). Cyber warfare: A multidisciplinary analysis. In *Cyber Warfare: A Multidisciplinary Analysis*. <https://doi.org/10.4324/9781315761565>
- Mohamed Noor, M. N. (2021). Ke Arah Pilihan Raya Umum ke-15: Dinamika Pilihan Raya Negeri Sabah 2020 dan Pengajarannya. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(4), 53–59. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1704-07>
- Mohd Dzaki, M. Z. Bin. (2021). Kelancaran Peralihan Kuasa Politik di Malaysia pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(6), 53–59. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i6.838>
- Ramli, M. A., Zulkepli, M. I. S., Abdul Rahim, R. A., Abd Razak, M. I., Hamdan, M. N., & Marinsah, S. A. (2019). Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan. *Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan, Kenegaraan Dan Isu Kontemporari*, 1(1), 1–12.
- Sinar Harian (2022). Parti paling cemerlang, parti paling teruk tumbang. *Sinar Harian*. <https://premium.sinarharian.com.my/article/189818/mediasi-kritis/analisis/parti-paling-cemerlang-parti-paling-teruk-tumbang>
- Suhaimee Saahar Saabar, Ismail Sualman, Mohd Adnan Hashim, & Mohamed, W. A. W. (2017). Political Advertising and Young Voters Information Needs. *International Journal Of Humanities, Arts and Social Sciences*, 3(5), 215–222.
- Spiliotes, C. J., & Vavreck, L. (2002). Campaign Advertising: Partisan Convergence or Divergence? *Journal of Politics*, 64(1), 249–261. <https://doi.org/10.1111/1468-2508.00127>